

Nama: _____

Tarikh: _____

Baca dan fahami petikan, kemudian jawab soalan dengan memilih jawapan yang betul.

semu@cikgu.org

Nama kawan baik saya ialah Ani. Ani tinggal di Kajang. Ani mempunyai dua orang adik.

Ani belajar di Sekolah Kebangsaan Taman Indah. Ani belajar dalam Tahun Satu Aman. Hobi Ani membaca buku dan bermain badminton.

Ani berjanji akan belajar bersungguh-sungguh untuk berjaya. Ani bercita-cita untuk menjadi doktor.



1. Siapakah nama kawan baik kamu?
Nama kawan baik saya ialah _____.

A Aini
B Ani
C Ina
2. Di manakah Ani belajar?
Ani belajar di _____.

A Sekolah Kebangsaan Taman Mawar
B Sekolah Kebangsaan Machap Umboo
C Sekolah Kebangsaan Taman Indah
3. Ani belajar dalam tahun berapa?
Ani belajar dalam _____.

A Tahun Satu Merah
B Tahun Satu Indah
C Tahun Satu Aman
4. Apakah hobi Ani?
Hobi Ani ialah _____.

A membaca buku dan bermain badminton
B membaca buku dan bermain bola
C menari dan membaca buku
5. Apakah cita-cita Ani?
Ani bercita-cita untuk menjadi _____.

A polis
B guru
C doktor



semu@cikgu.org